

TEKS UCAPAN
TUAN PEQAWAI PENDIDIKAN DAERAH
SEMPENA
MAJLIS ANUGERAH NILAM
DAERAH KINTA UTARA 2008

Disediakan oleh:

Jawatankuasa Teks Ucapan
En. Lee Peng Chong
(Pengetua SMK. Seri Keledang)

TEKS UCAPAN TUAN PEGAWAI PENDIDIKAN DAERAH
SEMPENA MAJLIS ANUGERAH NILAM
DAERAH KINTA UTARA 2008

Assalamualaikumwarahmatullahiwbabarokatuh dan salam sejahtera,

Yang Berusaha, Ketua Penolong Pengarah BTPN Perak En. Zainori b. Abdul Raman, Yang Berusaha Pengerusi Majlis Anugerah Nilam, 2008 Tn. Haji Mohd Harmain b. Mohd Amin, Yang Berusaha Timbalan PPD Kinta Utara Tn. Haji Ahmad b. Patoon, Yang berusaha YDP PKPSM Kinta Utara Tn. Hj. Muhammad Nawawi b. Yaakob, Yang Berusaha YDP MGB Kinta Utara En. Othman b. Abd. Aziz, Yang dihormati Pengetu-Pengetua, Guru Besar-Guru Besar, Pegawai-Pegawai Penyelaras PKG, para Wartawan, Guru-guru dan para pemenang Anugerah Nilam yang diraikan.

Para hadirin sekalian,

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para pelajar yang memenangi anugerah NILAM pada kali ini. **TAHNIAH DAN SYABAS SAYA UCAPKAN!** Saya sendiri sebenarnya turut berbangga dengan pencapaian anda semua kerana dengan adanya usaha gigih dan komitmen yang tinggi dalam membudayakan amalan membaca inilah anda terpilih sebagai pemenang pada hari ini mengatasi ribuan pelajar lain di luar sana. Saya yakin dan percaya, sekiranya amalan membaca ini diteruskan, suatu hari nanti anda akan muncul sebagai golongan yang akan memacu negara kita ke suatu era kegemilangan terunggul.

Hadirin yang dihormati,

NILAM yang merupakan akronim bagi ‘Nadi Ilmu Amalan Membaca’ sebenarnya telah dilancarkan di peringkat negeri Perak pada 26 Ogos 1999 hasil cetusan idea Kementerian Pendidikan Malaysia. Hasrat, niat serta matlamatnya begitu murni sekali iaitu untuk membudayakan amalan membaca dalam kalangan pelajar sekolah yang seterusnya akan melahirkan pelajar-pelajar yang suka membaca dan cintakan ilmu. Budaya merupakan ‘suatu cara hidup’. Jadi, ‘membudayakan tabiat membaca’ bermakna menjadikan amalan membaca sebagai suatu cara hidup yang tiada penghujungnya. Membaca merupakan suatu proses pembelajaran sepanjang

hayat. Golongan masyarakat yang rajin membaca meletakkan diri mereka pada suatu martabat yang jauh lebih tinggi berbanding dengan golongan yang malas membaca. Mereka inilah yang akan menjadi sumber rujukan untuk golongan yang cintakan ilmu dan kemajuan. Mereka yang sudah menjadikan amalan membaca ini sebagai suatu budaya akan sentiasa membaca tidak kira bila dan di mana mereka berada. Inilah suatu amalan yang harus dipuji dalam usaha kita melahirkan modal insan cemerlang yang akan menjadi aset terpenting negara.

Namun, di kesempatan yang ada ini, suka saya menegur sikap segelintir pelajar kita yang hanya membaca sekadar untuk peperiksaan. Selesai menghadapi peperiksaan. Mereka tidak sudi lagi untuk menyentuh buku-buku atau sebarang bahan bacaan bercorak ilmiah. Senario ini jelas menunjukkan bahawa mereka tidak menjadikan amalan membaca sebagai suatu budaya atau suatu proses kelangsungan pembelajaran. Kegagalan membudayakan amalan membaca inilah yang menyebabkan masyarakat dan negara kita akan terus ketinggalan. Hasrat Perdana Menteri yang mahukan masyarakat Malaysia khususnya kakitangan awam memiliki mentaliti kelas satu juga mungkin akan hanya tinggal sebagai suatu angan-angan sahaja. Memetik kata-kata Pak Lah dalam salah satu ucapannya,

“Banyak kemudahan di negara ini termasuklah yang di Putrajaya, begitu hebat dan berkelas satu, tetapi tidak akan berguna jika pegawai yang memilikinya mempunyai mentaliti kelas ketiga”

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

‘Membaca itu jambatan ilmu’. ‘Membaca memperkasakan bangsa’. Demikianlah betapa pentingnya amalan membaca. Seseuatu bangsa itu akan kuat, kukuh dan perkasa, jika masyarakatnya rajin membaca. Sesungguhnya menerusi pembacaan kita dapat mendekati dunia luar dan menerokai dunia tanpa sempadan ini. Buku-buku atau ensiklopedia dapat membuka ruang horizon kita kepada ilmu yang lebih luas melampaui ilmu yang terkandung dalam buku-buku sekolah atau buku-buku teks. Sesungguhnya juga, untuk mendapatkan maklumat dan informasi, bukan hanya buku yang menjadi sumbernya. Surat khabar, majalah, buletin berkala, jurnal, novel dan kemudahan internet yang dapat menjadi sumber rujukan buat para pelajar yang menginginkan fakta-fakta dan maklumat terkini tentang sesuatu perkara. Pokok pangkalnya seseorang itu harus gigih dan rajin membaca dan

mencari maklumat yang dapat menolongnya menerokai hidup ini dengan lebih yakin dan selesa dan pada akhirnya pelajar-palajar akan mencapai kejayaan yang cemerlang dalam kehidupan masing-masing.

Hadirin yang saya muliakan

Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, tidak lupa ingin saya merakamkan setinggi –tinggi ucapan terima kasih dan tahniah kepada Jawatan kuasa Pengelola Majlis Anugerah Nilam 2008 atas kesungguhan mereka menjayakan majlis pada hari ini. Penghargaan juga kepada Pusat Sumber Pendidikan Negeri Perak yang telah bersama-sama menjayakan majlis yang gilang-gemilang ini.

Akhir kata, dengan lafaz Bisssmillahirrahmanirrahim, saya merasmikan Majlis Anugerah Nilam Daerah Kinta Utara bagi tahun 2008.

Sekian,Wabillahitaufikwalhidayah,wassalamualaikumwarahmatullah hiwabarokatuh